

PELAKSANAAN STRATEGI PELAJAR SEBELUM MEMPRAKTIKKAN KEMAHIRAN MENULIS TUGASAN AKADEMIK

(The Strategies of Implementing Pre-Academic Writing Assignment Skills)

Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohd Faeez Ilias, Muhammad Syakir
Sulaiman & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi

ABSTRAK

Masalah berkenaan penguasaan pelajar dalam penulisan akademik semakin membimbangkan ketika tahap kualiti pendidikan semasa terus dipertingkatkan. Penurunan kualiti hasil penulisan, kelemahan diri dan sikap negatif pelajar serta kekurangan guru berkemahiran turut menyumbang kepada masalah ini. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti strategi pelajar sebelum mempraktikkan kemahiran menulis tugasan akademik dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Sampel kajian ini adalah seramai 266 orang responden yang melibatkan pelajar dari pelbagai latar belakang akademik. Dapatkan kajian ini diperoleh menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Hasil kajian menunjukkan 174 pelajar mempunyai minat terhadap kemahiran menulis dan majoriti dari 266 pelajar mengamalkan strategi tertentu untuk memastikan kualiti penulisan akademik yang dihasilkan mencapai tahap yang dikehendaki oleh pelajar dan keperluan tugas. Ini membuktikan bahawa kualiti sesuatu tugasan akademik memerlukan pelajar mempraktikkan kemahiran merancang, mengurus, dan melaksana yang konsisten untuk memastikan hasil penulisan memperoleh gred yang baik sepanjang masa. Oleh itu, pelajar institusi pendidikan tinggi perlu mempunyai strategi pembelajaran yang tersusun agar segala aktiviti dan tugas pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik mengikut keperluan dan kehendak program. Pelaksanaan strategi pembelajaran seperti ini penting dalam memastikan pelajar dapat mencapai keputusan gred yang cemerlang bagi setiap kursus yang diambil.

Kata kunci: strategi pembelajaran, pengurusan pembelajaran, teknik pembelajaran, kemahiran penulisan.

ABSTRACT

Issues with regards to the mastery of students in academic writing are at an alarming rate as the quality of education continues to be enhanced. A low quality of academic writing texts, self-weakness and negative attitudes of students as well as the lack of skilled teachers as guidance to effective writing skills also contribute to this problem. The objective of this study is to identify the strategies that students are able to use for academic writing skills purposes. It has a sample of 266 respondents which involved students from various academic backgrounds. The findings of this study were obtained by using a survey method and questionnaire as the research instruments through simple random sampling. The results showed that 174 students were interested in academic writing skills. The study also showed that 266 students managed to identify the correct writing strategies to use. This is to ensure

that an academic writing text has achieved a good structure of writing skill besides being able to fulfill the task requirement of an academic text. This study has proven that to ensure a well written academic text is produced; students must practice consistency in planning, managing, and implementing appropriate writing strategies. Therefore, students in higher learning institutions must be introduced to a structured learning strategy so that learning activities and tasks can be implemented according to the needs and requirements of a program. The implementation of appropriate learning strategies is important to make sure that students are able to achieve good grades in the completion of any written assignments for each course taken in the program.

Keywords: learning strategies, learning management, learning techniques, writing skill.

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan satu aktiviti atau tugas dalam kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang sering dianjurkan oleh pendidik kepada para pelajar. Definisi kemahiran menulis adalah berkenaan sesuatu proses rumit yang melibatkan kombinasi kompleks bermula dari proses menjana idea, memilih idea yang berkaitan dengan tugas penulisan, menterjemah ke dalam bentuk teks, dan proses menyempurnakan struktur penulisan menjadi lebih mudah untuk dibentangkan (Torrance, Thomas, & Robinson, 1994; Yahya Othman & Dk.Suzanawaty Pg.Osman, 2014). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) pula, kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

Bagi menghasilkan sesuatu penulisan yang baik perlu mengambil kira kandungan dan pendekatan penulisan yang mudah difahami oleh audien. Hal ini melibatkan strategi penulisan yang bertujuan untuk mengagihkan kepada tugas-tugas kecil sebelum dilengkapkan menjadi satu tugas penulisan yang lengkap (Wright & Larsen, 2016). Kemahiran sebegini yang memerlukan kecekapan dari segi kognitif yang kompleks merupakan satu cabaran bagi pendidik untuk menerapkannya dalam kalangan pelajar (Che Hassan & Abd Rahman, 2011). Kebanyakan pelajar mengalami kesukaran dalam kemahiran menulis sedangkan perkara ini merupakan satu keperluan yang penting untuk PdPc (Che Hassan & Abd Rahman, 2011; Jamian, Hashim, & Othman, 2012; Penyelidikan, Inovasi, & Ii, 2017).

Sistem pendidikan di Malaysia yang masih menggunakan sistem peperiksaan sebagai kaedah penilaian yang penting memerlukan pelajar berkemahiran dalam penulisan untuk memastikan jawapan yang diberikan dalam peperiksaan dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki. Pelajar perlu memahami kepentingan kemahiran menulis dalam bidang penulisan akademik sangat berbeza berbanding penggunaan penulisan tidak formal yang digunakan dalam media sosial. Walaupun teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kian mempengaruhi konteks PdPc di institusi pendidikan, namun ianya masih belum dapat membantu sepenuhnya terhadap kemampuan pelajar dalam meningkatkan kemahiran menulis di samping pendekatan dan strategi PdPc yang digunakan oleh pendidik (Che Hassan & Abd Rahman, 2011; Jusoh & Jamian, 2014).

Masalah berkenaan penguasaan pelajar dalam penulisan akademik dalam konteks PdPc agak merisaukan memandangkan peningkatan kualiti pendidikan yang dipertingkatkan

oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa tidak mendatangkan hasil yang diinginkan terutamanya melibatkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk penggunaan tatabahasa, dan pemahaman (Jamian, 2011; Jusoh & Jamian, 2014; Yusuff & Awang, 2012). Isu ini disumbang oleh beberapa faktor seperti kelemahan pelajar sendiri, sikap negatif pelajar yang kurang berminat terhadap pelajaran, kesilapan memilih tajuk, tidak merangka karangan, kekurangan masa, dan gagal mengenal pasti format dan penggunaan bahasa dialek (Che Hassan & Abd Rahman, 2011; Jamian et al., 2012). Selain itu, faktor kelemahan pendidik juga menyumbang kepada masalah ini terutama dalam hal berkaitan strategi dan pendekatan pengajaran, cara pendidik berkomunikasi dengan pelajar, dan kekurangan penggunaan bahan pengajaran berbantuan komputer (Mohamed, 2016).

Banyak kajian menyatakan wujud perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan teknologi komputer yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran termasuk kemahiran dalam penulisan (Che Hassan & Abd Rahman, 2011; Jamian et al., 2012; Mohamed, 2016). Namun begitu, senario pendidikan di Malaysia secara amnya membataskan penggunaan komputer di institusi pendidikan termasuk sekolah disebabkan oleh faktor-faktor kekangan demografik, kewangan, infrastruktur, dan kemahiran. Ini menyebabkan masih terdapat pelajar bermasalah pembelajaran teruk yang tidak mendapat akses PdPc berbantuan komputer (Ahmad, Mahamod, & Aziz, 2012).

Isu ini perlu diatasi sebaik mungkin bagi memastikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghasilkan pelajar yang mampu menghurai dan menjelaskan bidang ilmu dari pelbagai disiplin mata pelajaran tercapai (KPM, 2003). Berdasarkan perkara yang berlaku, kajian ini membincangkan perilaku pelajar dalam melaksanakan sesuatu strategi kemahiran menulis untuk tujuan menyiapkan tugas yang diberikan. Oleh itu, objektif kajian ini lebih menjurus kepada sejauh mana pelaksanaan strategi pelajar sebelum mempraktikkan kemahiran menulis bagi penulisan akademik.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan soal selidik yang melibatkan responden seramai 266 pelajar yang terdiri dari 148 pelajar perempuan dan 118 adalah pelajar lelaki. Kesemua responden adalah dalam kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi swasta di Selangor dan persampelan responden diambil dengan kaedah persampelan rawak mudah. Item-item soal selidik diadaptasi dan diubahsuai dari beberapa kajian iaitu *A Community of Writers Problems Affecting Learning Writing Skill of Grade 11 at Thong Linh High School*, dan *Development of the Academic Writing Motivation Questionnaire* (Finch, 2013; Jasmi, 2015a; Payne, 2012). Responden perlu mengisi dua bahagian soal selidik iaitu Bahagian A untuk maklumat demografi responden manakala Bahagian B untuk maklumat pelaksanaan kemahiran sebelum menulis. Item-item dalam kedua-dua bahagian menggunakan skala Likert 5 tahap iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) kurang bersetuju, (4) bersetuju, dan (5) sangat bersetuju.

Bagi memastikan maklum balas yang tulen daripada responden, kajian kuantitatif deskriptif ini tidak memerlukan sebarang kawalan terdapat responden dan diukur hanya sekali. Kaedah ini sangat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan kerana maklumat dapat diperolehi dengan lebih cepat menerusi jumlah responden yang ramai. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan senario terkini yang dilakukan oleh responden dalam melaksanakan strategi sebelum memulakan kemahiran menulis untuk tugas akademik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 72.9 peratus latar belakang pendidikan menengah responden dari sekolah menengah agama negeri, sekolah menengah kebangsaan, dan sekolah menengah kebangsaan agama. Seterusnya 36.8 peratus berkelulusan berpendidikan asasi manakala 28.2 peratus pemegang Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Sejumlah 35.7 peratus responden berada di semester ketiga berbanding 18 peratus dan 16.9 peratus untuk mereka yang berada di semester empat dan enam. Berdasarkan keputusan peperiksaan semasa, sebanyak 73.7 peratus memperoleh purata nilai gred semasa (PNGS) 3.00 dan ke atas. Merujuk kepada dapatan item soal selidik berkenaan minat terhadap kemahiran menulis, sebanyak 65.4 peratus responden menyatakan minat yang baik manakala selebihnya kurang berminat atau tidak berminat langsung.

Berdasarkan Jadual 1.1, dapatan yang diperolehi menerusi item DA1 sebanyak 6 peratus responden tidak bersetuju mengkaji semula catatan kuliah, peribadi dan keperluan tugas sebelum melaksanakan tugas menulis. Untuk item DA2, sebanyak 8 peratus responden pula mengaku tidak melakukan latihan menulis bagi meningkatkan kemahiran. Hanya 3 peratus responden pada item DA3 menyatakan mereka tidak memberikan tumpuan kepada arahan tugas dengan teliti sebelum memulakan penulisan. Manakala untuk item DA4 hanya 5 peratus responden tidak bersetuju untuk mengadakan perbincangan bersama ahli kumpulan sebelum menulis kertas kerja.

Merujuk item DA5 pula responden sebanyak 91 peratus bersetuju untuk menyusun jadual waktu bagi mengatur aktiviti penulisan. Manakala respon untuk item DA6 menunjukkan 94.7 peratus responden merancang penulisan sebelum proses menulis dimulakan. Bagi item DA7 pula, keputusan menunjukkan responden bersetuju menggabungkan pengetahuan baharu dalam penulisan dengan pengetahuan sedia ada iaitu 94 peratus. Seterusnya untuk item DA8, responden yang meneliti pertbaharaan kata berkaitan dengan topik penulisan adalah sebanyak 74 peratus.

Seterusnya untuk item DA9 hanya 2.3 peratus responden tidak bersetuju untuk memilih tempat yang selesa supaya tumpuan dapat diberikan dalam melakukan penulisan. Item DA10 pula menunjukkan dapatan sebanyak 6.8 peratus responden tidak bersetuju menulis dalam bahasa ibunda terlebih dahulu sebelum menterjemahkan ke dalam bahasa lain untuk menyempurnakan tugas penulisan. Manakala item DA11 menyatakan hanya 7.1 peratus responden tidak bersetuju menilai penulisan rakan lain dan memberikan maklum balas untuk penambahbaikan. Untuk item DA12 pula, sebanyak 4.6 peratus responden memilih tidak bersetuju berkenaan memotivasi diri sendiri untuk melakukan penulisan yang baik.

Item berikutnya adalah D13 berkenaan menulis ringkasan maklumat daripada bahan bacaan bahasa yang telah dibaca. Sebanyak 94 peratus responden bersetuju mereka melakukan strategi tersebut. Bagi item D14 responden memberi maklum balas sebanyak 95 peratus bersetuju untuk menyumbang idea sebelum memulakan tugas penulisan. Manakala sejumlah 95.2 peratus responden menyatakan bersetuju untuk item D15 iaitu membaca dan membuat ringkasan catatan bagi menyokong idea penulisan yang ingin dibuat. Seterusnya item terakhir D16, sebanyak 94 peratus responden bersetuju menyusun idea secara teratur sebelum melaksanakan penulisan.

Berdasarkan penerangan ini dapat dinyatakan majoriti responden memberikan maklum balas yang positif bagi setiap item soal selidik. Responden paling ramai memilih tempat yang selesa kerana dapat memberikan penumpuan yang lebih dalam melaksanakan penulisan. Manakala maklum balas responden paling kurang adalah melibatkan aktiviti

melakukan penyusunan jadual waktu untuk mengatur aktiviti penulisan. Walaupun begitu min keseluruhan bagi keseluruhan item-item soal selidik masih tinggi iaitu 3.846.

Jadual 1.1: Pelaksanaan Kemahiran Sebelum Menulis

Bil	Item	Min	SP
DA1	Mengkaji semula catatan kuliah, peribadi dan keperluan tugas sebelum menulis.	3.808	0.808
DA2	Melakukan latihan menulis bagi meningkatkan kemahiran.	3.628	0.815
DA3	Memberikan tumpuan kepada arahan tugas dengan teliti sebelum menulis.	3.891	0.689
DA4	Mengadakan perbincangan bersama ahli kumpulan sebelum menulis kertas kerja.	3.883	0.780
DA5	Menyusun jadual waktu untuk mengatur aktiviti penulisan.	3.568	0.884
DA6	Merancang penulisan saya sebelum proses menulis dimulakan.	3.835	0.788
DA7	Menggabungkan pengetahuan baharu dalam penulisan dengan pengetahuan sedia ada.	3.868	0.758
DA8	Meneliti perbendaharaan kata berkaitan dengan topik penulisan.	3.853	0.740
DA9	Memilih tempat yang selesa supaya lebih memberikan tumpuan dalam penulisan.	4.008	0.711
DA10	Menulis dalam bahasa ibunda dan menterjemahkan ke dalam bahasa lain mengikut keperluan.	3.748	0.878
DA11	Menilai penulisan rakan lain dan memberikan maklum balas penambahbaikan.	3.718	0.810
DA12	Memotivasi diri untuk melakukan penulisan yang baik	3.899	0.753
DA13	Menulis ringkasan maklumat daripada bahan bacaan bahasa yang telah dibaca.	3.774	0.717
DA14	Menyumbang idea sebelum menulis.	3.763	0.717
DA15	Membaca dan membuat ringkasan catatan bagi menyokong idea penulisan saya.	3.778	0.732
DA16	Menyusun idea secara teratur sebelum menulis.	3.853	0.761
Min keseluruhan		3.846	0.641

Berdasarkan dapatan yang diperolehi berkenaan pelaksanaan kemahiran sebelum menulis tugas akademik dalam kalangan pelajar, majoriti responden merasakan strategi merancang adalah perkara yang perlu dititik beratkan agar setiap butiran tugas dapat disusun secara sistematik. Memulakan sesuatu penulisan akademik memerlukan kemahiran dari segi penggunaan laras bahasa yang lebih formal, tidak bersifat retorik atau ayat yang tidak menyampaikan makna secara jelas. Responden turut memberi keutamaan terhadap kehendak tugas agar penulisan tidak bercanggah dan menyimpang dari skop keperluan tugas. Bagi memastikan perancangan awal ini berjalan dengan lancar, agihan tugas perlu diberikan dengan jelas dan teratur supaya setiap ahli kumpulan memahami tanggungjawab masing-masing bagi menyempurnakan penulisan akademik.

Terdapat sebilangan kecil pelajar mengabaikan tentang penyusunan jadual dan aktiviti serta tidak merancang sebarang strategi penulisan disebabkan faktor kelemahan diri dalam menguruskan masa atau tidak serius untuk menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti. Keadaan ini berlaku disebabkan budaya intelek yang mengaitkan kemahiran menulis dengan minat membaca yang lemah dalam segelintir pelajar sejak dari awal persekolahan (Jamian, 2011). Budaya ini kekal dalam diri pelajar sehingga ke peringkat pendidikan tinggi yang menyebabkan mereka mengalami kesukaran menggabungkan pengetahuan baru dalam penulisan dengan pengetahuan sedia ada. Perkara ini turut memberi kesan terhadap penguasaan pelajar dalam penggunaan perbendaharaan kata bagi sesuatu topik tugas. Kelemahan dalam kegiatan membaca dan menulis menyebabkan pelajar kurang cakna dan tidak berupaya mengolah perkataan-perkataan yang tepat bagi topik penulisan yang ingin dilaksanakan.

Selain itu, proses memulakan sesuatu tugas penulisan akademik turut menuntut pelajar menjadi lebih beretika dan berdisiplin agar kualiti tugas menjadi lebih baik dan dapat disiapkan pada waktu yang ditetapkan (Jasmi, 2015b). Disebabkan itu, kebanyakan responden menerapkan strategi semakan dan penilaian kualiti penulisan dalam kalangan

pelajar masing-masing untuk penambahbaikan. Strategi sebegini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk terus bersaing dalam budaya kerja yang positif selain memanfaatkan sumber penulisan di internet secara beretika serta mengurangkan kecenderungan melakukan plagiat tugas akademik (Anderson, 2009).

Kecenderungan majoriti responden lebih tinggi dalam memastikan persekitaran dan ruang yang selesa untuk melaksanakan tugas penulisan. Hal ini merupakan faktor pilihan yang mampu memberi kesan dalam meningkatkan penumpuan pelajar untuk menyiapkan penulisan akademik. Perkara ini turut dinyatakan oleh (Lizzio, Wilson, & Simons, 2002) yang membuktikan bahawa persekitaran yang positif dapat mempengaruhi secara langsung pencapaian akademik, kepuasan dan pembangunan kemahiran-kemahiran penting dalam diri pelajar terhadap hasil pembelajaran. Di samping itu, aktiviti-aktiviti penulisan seperti mencatat nota, membuat ringkasan berdasarkan bahan bacaan yang diperolehi serta menyumbang dan menyusun idea akan menjadi lebih mudah dilakukan oleh pelajar sebagai rutin sebelum memulakan tugas penulisan akademik.

KESIMPULAN

Bagi memastikan sesuatu tugas penulisan akademik dapat dihasilkan dengan berkualiti, pelajar sepatutnya mempunyai strategi pelaksanaan yang sistematik dan digunakan secara rutin. Amalan strategi pelaksanaan seperti ini perlu diterapkan oleh guru terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Implementasi secara konsisten oleh guru terhadap pelajar dalam setiap tugas subjek dapat menjadikan pelajar lebih cakna untuk menggunakan setiap masa. Walaupun ramai pelajar menyatakan mereka cenderung mempraktikkan strategi sebelum melaksanakan tugas, namun hubungan di antara amalan tersebut dengan kualiti penulisan akademik yang dihasilkan masih menjadi persoalan. Kualiti hasil penulisan yang dihasilkan oleh pelajar dalam bidang akademik kebiasaannya mempunyai perkaitan dengan tabiat menulis pelajar dalam kehidupan seharian terutamanya penggunaan penulisan dalam mesej pesanan ringkas (SMS) atau di platform media sosial.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi gambaran jelas tentang pelaksanaan strategi sebelum mempraktikkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di peringkat universiti. Keadaan ini mungkin mempunyai kaitan dengan amalan budaya membaca dan menulis dalam kalangan pelajar semenjak di awal persekolahan. Amalan membudayakan aktiviti membaca terutama bahan-bahan ilmiah dapat meningkatkan pengayaan dan pengukuhan kemahiran berbahasa dan begitu juga sebaliknya. Justeru, aktiviti positif ini merupakan suatu yang sewajarnya diamalkan dalam kalangan pelajar peringkat sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi agar disiplin dan komitmen dalam menyiapkan tugas akademik yang berkualiti dapat dihasilkan secara konsisten.

RUJUKAN

- Ahmad, N. A., Mahamod, Z., & Aziz, Z. (2012). Pengajaran Kemahiran Komunikasi bagi Murid-murid Bermasalah Pembelajaran Teruk (Communication Skill Teaching Among Severe Learning Disabilities Pupils). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 2(2), 11–18.
- Anderson, I. (2009). Avoiding Plagiarism in Academic Writing. *Nursing Standard*, 35.
- Che Hassan, C. Z., & Abd Rahman, F. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 1(1), 67–87.

- Finch, E. (2013). Writing skills, 237–266.
<https://doi.org/10.1093/he/9780199664498.003.0011>
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–12.
- Jamian, A. R., Hashim, N., & Othman, S. (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 46(2), 2180–4842.
- Jasmi, K. A. (2015a). Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik. *Health Policy*, 14(4), 4–6.
- Jasmi, K. A. (2015b). Mahasiswa dan Penulisan Kertas Kerja Akademik. In *Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya* (Vol. 2, pp. 25–41).
- Jusoh, Z., & Jamian, A. R. (2014). Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4(Mei), 11–18.
- Lizzio, A., Wilson, K., & Simons, R. (2002). University Students' Perceptions of the Learning Environment and Academic Outcomes: Implications for theory and practice. *Studies in Higher Education*, 27(1), 27–52. <https://doi.org/10.1080/03075070120099359>
- Mohamed, H. (2016). Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(1), 135–159.
- Payne, A. R. (2012). Development of the Academic Writing Motivation Questionnaire. *Master's Theses*, 36.
- Penyelidikan, J., Inovasi, D. A. N., & Ii, I. S. U. (2017). , 2 1 , 2. *56th Annual Conference of Metallurgists*, 10(10), 16–33. <https://doi.org/10.2527/jas2012-5761>
- Torrance, M., Thomas, G. V., & Robinson, E. J. (1994). The writing strategies of graduate research students in the social sciences. *Higher Education*, 27(3), 379–392. <https://doi.org/10.1007/BF03179901>
- Wright, N. D., & Larsen, V. (2016). Improving Marketing Students' Writing Skills using A One-Page Paper. *Marketing Education Review*, 26(1), 25–32. <https://doi.org/10.1080/10528008.2015.1091666>
- Yahya Othman, & Dk.Suzanawaty Pg.Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berdasarkan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4(1), 2180–4842.
- Yusuff, Y., & Awang, M. I. (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 2(2), 62–70.

Mohd Amin Mohd Noh

Correspondence author

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mamn@kuis.edu.my

Mohd Izzuddin Mohd Pisol

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mohdizzuddin@kuis.edu.my

Mohd Faeez Ilias

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

faaez@kuis.edu.my

Muhammad Syakir Sulaiman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

faaez@kuis.edu.my

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

salihinhafizi@kuis.edu.my